



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEPERIKSAAN KELAYAKAN PESURUHJAYA SUMPAAH MELALUI
SISTEM e-PESURUHJAYA SUMPAAH**

Buat julung kalinya, Badan Kehakiman Malaysia mencatat sejarah apabila melaksanakan Peperiksaan Kelayakan Pesuruhjaya Sumpah Tahun 2020 secara dalam talian melalui Sistem e-Pesuruhjaya Sumpah sejak ia dilancarkan pada 25 Januari 2021 yang lalu.

Sistem ini merupakan langkah proaktif Badan Kehakiman Malaysia dalam menangani dan mengadaptasi situasi pandemik COVID-19 yang mana sebelum ini, peperiksaan tersebut dijalankan secara kehadiran fizikal di Istana Kehakiman, Putrajaya bagi calon di Semenanjung Malaysia manakala bagi calon di Sabah dan Sarawak masing-masing dijalankan di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu dan Kompleks Mahkamah Kuching.

Peperiksaan yang berlangsung pada 23 Februari 2021 itu melibatkan seramai 898 kehadiran calon daripada kategori Peguam bela & Peguam cara, Pegawai Awam, Pegawai Badan Berkanun dan Mana-Mana Orang Lain yang telah mengemukakan permohonan pada tahun 2020.

Mereka yang menduduki peperiksaan tersebut memperoleh keputusan pada hari yang sama. Data daripada Unit Pesuruhjaya Sumpah PKPMP menunjukkan secara keseluruhan sebanyak 55.90% calon yang menduduki peperiksaan telah lulus dengan pecahan jumlah lulus adalah seramai 147 orang daripada kategori Peguam bela & Peguam cara, 118 orang daripada kategori Pegawai Awam, 25 orang daripada kategori Pegawai Badan Berkanun dan 212 orang daripada kategori Mana-Mana Orang Lain.

Setiap calon dibekalkan dengan Garis Panduan Calon Peperiksaan Kelayakan Pesuruhjaya Sumpah bagi membantu calon untuk mendapatkan informasi mengenai langkah-langkah untuk menjawab soalan dan talian yang boleh dihubungi untuk khidmat sokongan.

Permohonan baharu Pesuruhjaya Sumpah Tahun 2021 bagi calon-calon yang berminat akan mula dibuka pada 1 April 2021 yang juga boleh dibuat melalui sistem yang sama. Calon-calon yang layak akan kemudiannya dipanggil menduduki Peperiksaan Kelayakan Pesuruhjaya Sumpah bagi tahun 2021. Maklumat lanjut berkenaan perkara ini boleh dirujuk melalui portal Unit Pesuruhjaya Sumpah di pautan <https://epjs.kehakiman.gov.my/>.

Badan Kehakiman Malaysia berharap inisiatif penggunaan teknologi secara optimum melalui sistem e-Pesuruhjaya Sumpah ini akan meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan memudahkan akses kepada keadilan untuk orang awam terutama bagi urusan melibatkan Pesuruhjaya Sumpah di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya.

Tarikh: 25 Februari 2021